UJIAN KEMASUKAN
TINGKATAN SATU TAHUN 2023
SEKOLAH MENENGAH KIAN KOK
BAHASA MALAYSIA
(50 MINIT)

Bahagian A: Objektif (60 markah)

ARAHAN: Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat jawapan pilihan, iaitu A, B, C dan D. Jawab semua soalan. Anda dikehendaki memilih **satu jawapan** yang paling tepat. Kemudian tandakan jawapan anda dengan menghitamkan ruangan pada kertas jawapan.

Soalan 1 hingga soalan 5
Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Rizal menjadi ***anak yatim piatu*** setelah ibu bapanya ditimpa kemalangan. Semenjak itu, Rizal tinggal bersama dengan neneknya. Nenek Rizal menjaganya dengan penuh kasih sayang.

Kini, Rizal sudah berumur 12 tahun. Namun, neneknya masih bekerja keras untuk mencari rezeki bagi menyara Rizal. Rizal pergi ke sekolah dengan menunggang basikal bersama-sama dengan rakan-rakan sekampung. Nenek akan menyediakan sarapan untuk Rizal sebelum dia pergi ke sekolah seperti nasi goreng atau lempeng kelapa kegemarannya.

Pada suatu hari, nenek Rizal demam teruk. Rizal tidak sampai hati untuk meninggalkan neneknya seorang diri di rumah. Namun, nenek mendesak Rizal pergi ke sekolah kerana pelajaran sangat penting.

Semasa sedang belajar, Rizal dipanggil ke pejabat oleh guru kelasnya secara tiba-tiba. Rizal berasa amat terkejut kerana jirannya, Pak Haikal turut berada di situ semasa dia sampai di pejabat. Pak Haikal membawa Rizal pulang ke rumah dengan motosikal. Rizal dapat mengagak sesuatu yang buruk telah berlaku pada neneknya.

Sesampainya di rumah, Rizal mendapati neneknya telah meninggal dunia. Rizal sangat sedih kerana dia tidak ada tempat mengadu lagi. Rizal menangis teresak-esak.

1. Bagaimanakah Rizal pergi ke sekolah?
   A. Berjalan kaki
   B. Menaiki bas sekolah
   C. Menunggang basikal
   D. Membonceng motosikal

2. Apakah makanan kegemaran Rizal?
   A. Nasi lemak
   B. Nasi goreng
   C. Lepat pisang
   D. Lempeng kelapa

3. Mengapakah nenek Rizal meninggal dunia?

A. Akibat cedera
B. Kerana sakit kuat
C. Akibat terlalu penat bekerja
D. Kerana ditimpa kemalangan

4. Pilih pernyataan yang tidak benar tentang petikan?

A. Pak Haikal ialah jiran Rizal.
B. Rizal amat disayangi oleh neneknya.
C. Guru kelas membawa Rizal pulang ke rumah dengan motosikal.
D. Rizal belajar dalam tahun enam ketika neneknya meninggal dunia.

5. Rangkai kata *anak yatim piatu* dalam petikan bermaksud _____.

A. anak yang disayangi.
B. anak yang kematian ibu.
C. anak yang kematian bapa.
D. anak yang kematian ibu dan bapa

Soalan 6 hingga soalan 25
Isi tempat kosong dengan jawapan yang **paling sesuai**.

6. Rapzila dan Zieta membuat persiapan sebelum_____menghadiri kem motivasi.

A. mereka B. beliau C. kamu D. dia

7. Iqmal bermain bola sepak di padang. _____bermain bersama rakannya.

A. Mereka B. Dia C. Kami D. Engkau

8. "_____ harga sekilogram buah duku ini? " tanya Ah Seng kepada jirannya.

A. Di manakah B. Berapakah C. Mengapakah D. Bilakah

9. "_____ kamu tidak datang ke kelas tambahan semalam?

A. Bagaimanakah B. Berapakah C. Mengapakah D. Bilakah

10. Anak-anak harimau yang ditangkap itu berusia antara tiga_____empat tahun.

A. di B. dengan C. kepada D. hingga

11. Maria membeli sehelai selendang_____ibunya sebagai hadiah hari jadi.

A. daripada B. untuk C. demi D. bagi

12. Adam sedang berfikir sama ada hendak ke rumah Rahimi _____ke rumah Rajan.

A. atau B. sambil C. dan D. lalu

13. Rosli menunggang basikal dengan berhati-hati _____ jalan itu sangat licin.

A. tetapi B. bahawa C. supaya D. kerana

14. _____, berani kamu semua mengganggu keamanan kampung ini!" kata ketua kampung dengan marah.

A. Eh B. Cis C. Aduh D. Aduhai

15. "_____ murid-murid, ingatlah pesanan kedua-dua orang tua kamu!" nasihat Cikgu Mark.

A. Wahai B. Wah C. Aduhai D. Cis

16. _____ bunga kenanga terselit pada sanggul Sofia.

A. Sejambak B. Sekuntum C. Sebatang D. Segenggam

17. Polis melepaskan lima _____tembakan ke arah perompak itu.

A. butir B. das C. biji D. pucuk

18. Fatimah berjalan dengan penuh sopan sambil _____sedulang minuman ke arah tetamunya.

A. menjunjung B. menatang C. membawa D. membimbit

19. Setiap minggu ibu akan _____abang yang berada di universiti menerusi telefon.

A. melawat B. menegur C. memanggil D. menghubungi

20. Wartawan itu sedang menemu ramah penduduk yang _____dalam kejadian tanah runtuh.

A. terselamat B. selamatkan C. menyelamat D. keselamatan

Soalan 20 *berdasarkan gambar di bawah.*

21. Gajah merupakan haiwan yang _____ besar di daratan.

A. nian B. betul C. paling D. benar

22. Kertas pembalut hadiah yang dibeli oleh Suraya itu sangat_____.

A. elok B. molek C. cantik D. indah

Soalan 23 *berdasarkan gambar di bawah.*

23. Farid tidak dapat meneruskan larian kerana dia sudah terlalu _____

A. letih B. kurus C. lambat D. sudah

24. Pemidato itu agak_____semasa berhujah.

A. marah B. gembira C. bimbang D. gementar

25. Kucing ialah binatang yang boleh melihat dengan **terang** pada waktu malam.

Pilih perkataan **sinonim** *bagi* **terang**.

A. sepi B. nyata C. jelas D. kabur

26. Banyak kawasan perumahan setinggan didirikan berhampiran dengan landasan kereta api.

Pilih perkataan **antonim** *bagi* **didirikan**.

A. dipecahkan B. dirobohkan C. dilenyapkan D. ditumbangkan

Soalan 27

Pilih ***jawapan*** yang sesuai bagi ayat tanya yang diberikan.

27. "Mengapakah kamu tidak hadir semalam?" tanya Cikgu Suhada kepada Agnes.

A. "Ya, saya tidak hadir semalam", jawab Agnes.

B. "Saya tidak hadir pada 18 April yang lalu", jawab Agnes.

C. "Pelajar yang tidak hadir semalam ialah Fisya", jawab Agnes.

D. “Saya tidak hadir semalam kerana demam”, jawab Agnes.

Soalan 28-29

Pilih ayat yang ***betul.***

28. I Restoran Liza menjual pelbagai-bagai juadah berbuka puasa.

II Aduh, sakit benar kepala saya!

III Ibu bapa bekerja mencari rezeki demi untuk keselesaan anak-anaknya.

IV Bagaimanakah hal ini boleh berlaku?

A. I dan II B. I dan IV C. I dan III D. II dan IV

29. A. Encik Ram berasal daripada Teluk Intan.

B. Encik Ram berasal dari Teluk Intan.

C. Encik Ram berasal di Teluk Intan.

D. Encik Ram berasal ke Teluk Intan.

30. *Pilih ayat yang* **sama maksud** *dengan ayat yang diberikan.*

Petani menuai padi dengan menggunakan jentera penuai.

A. Padi dituai oleh petani dengan menggunakan jentera penuai.

B. Padi dituai oleh jentera penuai dengan menggunakan petani.

C. Jentera penuai dituai oleh petani dengan menggunakan padi.

D. Petani dituai oleh jentera penuai dengan menggunakan padi.

Bahagian B: Isi Tempat Kosong (10 markah)

ARAHAN: Pilih perkataan yang **paling sesuai** untuk diisi pada tempat kosong dalam petikan yang diberi. Anda dikehendaki memilih **satu jawapan** yang paling tepat. Kemudian tuliskan jawapan anda pada kertas jawapan.

lesu	sihat	manis	sedih

cerdas	agar	masam	gembira

Obesiti dalam kalangan masyarakat kita semakin membimbangkan. Hal ini berpunca daripada pengambilan makanan yang berlemak dan _____(1)_____ . Kita juga malas bersenam. Akibatnya, kita menjadi tidak _____(2)_____. Badan menjadi lemah dan _____(3)_____. Oleh itu, kita hendaklah menjaga pemakanan _____(4)_____ tidak mengalami obesiti. Orang yang sihat akan berasa _____(5)_____.

BAHAGIAN C: Karangan (30 markah)

Pilih **satu** tajuk daripada soalan-soalan berikut dan tulis satu karangan yang panjangnya **melebihi 80 patah perkataan**.

Soalan 1

Pada cuti sekolah yang lalu, kamu telah bercuti di kampung datuk dan nenek kamu. Ceritakan pengalaman kamu sepanjang berada di sana.
Tulis karangan itu selengkapnya.

pulang kampung – menaiki kereta bapa – pemandangan yang indah – nenek menghidangkan makanan – enak – dusun datuk – pelbagai jenis pokok buah – seronok – keesokan hari – pulang

ATAU

Soalan 2

Lihat gambar di bawah dengan teliti. Tulis sebuah karangan tentang **cara-cara menjaga kebersihan kawasan rumah.**

Membuang sampah

Membersihkan longkang

Memotong rumput

Menyapu dedaun kering

KERTAS SOALAN TAMAT